



**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PENGAJIAN PEKERJA ASING**

**SEKTOR PERKHIDMATAN  
PERNIAGAAN GUNTING RAMBUT**

*Agensi Kawal Selia*

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

**FORMAT PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN**

1. Perniagaan Gunting Rambut Tradisi Masyarakat India **Pewarisan daripada keluarga** (syarikat diperbadankan pada tahun 2009 dan ke bawah); dan

**Kelonggaran syarat**

2. **Perniagaan bukan pewarisan keluarga** (Syarikat yang diperbadankan pada tahun 2010 dan ke atas).

**DIMENSI PENILAIAN**

1. Setiap premis hendaklah diuruskan sama ada majikan atau pekerja tempatan yang mempunyai sijil kemahiran penggayaan rambut seperti berikut:
  - (a) telah membuat permohonan persijilan secara Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bagi program pengguntingan rambut; atau
  - (b) sedang dalam proses penilaian peningkatan kemahiran secara PPT pengguntingan rambut; atau
  - (c) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pengguntingan rambut.
2. Setiap premis hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) kerusi untuk layak dipertimbangkan kelulusan kuota pekerja asing.

## **KRITERIA KELAYAKAN KUOTA**

### **1. Perniagaan pewarisan keluarga:** Perkiraan nisbah kelayakkan kuota Pekerja

Tempatan (PT) dan Pekerja Asing (PA) seperti berikut:

- (a) 3 kerusi = 1 PT : 2 PA
- (b) 4 kerusi = 2 PT : 2 PA
- (c) 5 kerusi = 2 PT : 3 PA
- (d) 6 kerusi = 2 PT : 4 PA
- (e) 7 kerusi = 3 PT : 4 PA
- (f) 8 kerusi = 3 PT : 5 PA
- (g) 9 kerusi = 3 PT : 6 PA

### **2. Perniagaan bukan pewarisan keluarga:**

maksimum 2 pekerja asing satu premis.

## **JAWATAN YANG DIBENARKAN**

- Tukang Gunting Rambut

## **DOKUMEN WAJIB PERMOHONAN**

1. Dokumen SSM terkini;
2. Penyata KWSP (3 bulan terkini);
3. Penyata bank (3 bulan terkini);
4. Penyata Cukai Pendapatan (<https://www.hasil.gov.my/borang/muat-turun-borang>):
  - a) Borang B - Pemilikan Tunggal/Enterprise
  - b) Borang C – Syarikat
5. Perjanjian sewa pajak terkini; dan
6. Lesen PBT terkini.

## **DOKUMEN TAMBAHAN**

1. Gambar hadapan premis yang memaparkan maklumat nama premis dan cawangan jika ada; dan
2. Gambar dalam premis yang memaparkan aktiviti syarikat dan bilangan kerusi gunting rambut..

## **SYARAT TAMBAHAN**

- Sekiranya terdapat keperluan pertukaran lokasi, majikan perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen.

*\* Maklumat dikemaskini pada 18 Oktober 2024*